

**BN Perlu Adakan "Sekatan Politik", Kata PM
Bernama
1 September, 2012**

PUTRAJAYA, 1 Sept (Bernama) -- Anggota Barisan Nasional (BN) perlu bersatu hati membentuk 'sekatan politik' untuk memastikan hasrat dan langkah pembangkang merampas Putrajaya pada pilihan raya umum akan datang dapat dihalang.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak berkata sebab itu Umno dan parti komponen BN yang lain perlu muncul sebagai parti yang bukan sahaja boleh menang tetapi menang besar dengan cukup bergaya.

"Kalau mereka (pembangkang) ada slogan 'The Road To Putrajaya' (Laluan Ke Putrajaya), kita nak sekat mereka jangan sampai ke Putrajaya, kita tak nak buat 'roadblock' (sekatan jalan) polis tapi kita buat 'roadblock' daripada segi politik kerana mereka tidak layak duduk di Putrajaya.

"Sebab kitalah (BN) yang membangunkan Putrajaya, mereka tidak layak sebab telah lakukan pembohongan demi pembohongan...janji tidak pernah dikotakan dan banyak cerita-cerita mereka yang masih tidak selesai," katanya.

Najib berkata demikian semasa berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Putrajaya di sini Sabtu. Turut hadir isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor dan Anggota Parlimen Putrajaya Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Justeru itu, Perdana Menteri berkata secara simboliknya Umno Bahagian Putrajaya mewakili Wilayah Persekutuan Putrajaya, maka maju mundur bahagian itu menjadi penentu kepada usaha untuk mempertahankan tampuk pemerintahan negara.

"Jadi kita mesti suburkan kekuatan kepada Umno Putrajaya sebab itu kita mesti bersemangat, jangan rasa letih dan tidak boleh rasa letih...jangan begitu, teruskan perjuangan kita.

"Pastikan yang kita tidak akan berundur walau seinci atau sesaat pun... sebaliknya akan mara terus ke hadapan untuk menjamin masa depan negara yang lebih hebat," katanya.

Najib berkata perjuangan Umno juga selari dengan perjuangan kemerdekaan negara, walaupun perlu berdepan dengan pelbagai cabaran dan terpaksa mengemudi perjalanan yang payah. "Banyak ramalan menyatakan negara akan menghadapi perjalanan sukar untuk menjadi negara yang berjaya tetapi selepas 55 tahun kemerdekaan ternyata ramalan itu meleset sama sekali dan hari ini negara masih dianggap sebagai contoh dan model yang boleh diikuti negara lain," katanya.

Najib berkata kebanyakan anggota perwakilan Umno Bahagian Putrajaya terdiri daripada generasi pasca merdeka dan oleh itu jangan lupa intipati dalam perjuangan iaitu berkorban apa sahaja dan bersatu-padu untuk mencapai kejayaan.

"Pada masa kini juga 45 peratus pengundi adalah generasi muda, apakah pemikiran dan jangkaan mereka sama dengan generasi terdahulu. Walaupun mereka lahir selepas merdeka dan mendapat pendidikan serta biasiswa hasil daripada perjuangan Umno dan BN, persoalannya apakah dalam hati mereka menyokong kita sepenuh hati," katanya.

Najib berkata itulah realiti dan persekitaran baru yang mesti difahami, di samping perlu mengekalkan nilai-nilai lama dan menurutnya adaptasi persekitaran baru juga amat penting kerana dalam demokrasi berparlimen tidak wujud kekebalan politik.

"Walaupun pernah melalui mimpi ngeri pada (pilihan raya umum) 2008 tapi kita sudah bangun dari mimpi, bina semula kekuatan sikit demi sikit dengan pengorbanan serta susah-payah.

"Jadi mari bersama-sama rapatkan barisan, teruskan perjuangan bagi memastikan tampuk pemerintahan kekal di tangan BN," katanya..

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691224>